

15 kes baharu, tiada kematian COVID-19

Astro Awani

21 Julai 2020

Hasimi Muhamad,

PUTRAJAYA: Kes baharu COVID-19 di negara ini menunjukkan penurunan selepas 15 kes baharu direkodkan pada Selasa, berbanding 21 kes pada hari sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini adalah sebanyak 8,815 kes.

Daripada jumlah kes baharu itu, empat kes dikesan membabitkan kes import, sementara 11 lagi adalah kes penularan dalam negara.

"Ingin dimaklumkan daripada 15 kes baharu yang dilaporkan, empat kes adalah kes import yang telah mendapat jangkitan di luar negara yang melibatkan tiga warganegara Malaysia dan satu bukan warganegara yang dibenarkan masuk ke Malaysia atas urusan kerja.

"Empat kes import tersebut adalah dari negara Belanda (satu kes); Arab Saudi (satu kes); United Kingdom (satu kes); dan Indonesia (satu kes).

"Daripada 11 kes penularan di dalam negara, 10 kes adalah di kalangan warganegara Malaysia dan satu kes adalah bukan warganegara iaitu kes saringan kemasukan baharu ke Depot Tahanan Imigresen (DTI) Semuja, Sarawak," katanya dalam sidang media di sini, pada Selasa.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, sebanyak tujuh kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 dicatatkan hari ini, menjadikan jumlah kes pulih dan discaj adalah 8,562 kes atau 97.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Selain itu, tiada sebarang kematian berkaitan COVID-19 direkodkan di negara ini pada Selasa, katanya.

"Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak 123 kes (1.40 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)," kata beliau lagi.

Dr Noor Hisham turut menjelaskan, sebanyak empat kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi, dengan satu kes memerlukan bantuan pernafasan.

Setakat ini, terdapat 130 kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 di negara ini, dan kesemua mereka telah diasingkan.

Perincian baki kes penularan COVID-19 dalam negara dalam kalangan warganegara Malaysia (10 kes) adalah :

i. Sarawak – Lapan kes: Lima kes daripada Kluster Sentosa.

Kluster ini akan diperincikan di bawah;

- Satu (1) kes daripada Kluster Pusat Perubatan Kuching;
- Satu (1) kes daripada Kluster Stutong;
- Satu (1) kes saringan sendiri (beliau merupakan penjaga kepada pesakit yang dirawat di sebuah pusat perubatan). Beliau tidak bergejala dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak;

ii. Selangor: Satu kes saringan Severe Acute Respiratory Infection (SARI), dimasukkan ke Hospital Ampang;

iii. Sabah: Satu kes saringan Influenza Like Illness (ILI), dimasukkan ke Hospital Tawau.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/15-kes-baharu-tiada-kematian-covid-19-252171>